



Polisi  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
terhadap  
**PLAGIAT**



POLISI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN TERHADAP PLAGIAT

# ISI KANDUNGAN

|           |   |           |
|-----------|---|-----------|
| <b>1.</b> | <b>POLISI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN TERHADAP PLAGIAT</b>   | <b>3</b>  |
| 1.1       | Rasional  | 3         |
| 1.2       | Penyataan Polisi  | 4         |
| <b>2.</b> | <b>PELAKSANAAN POLISI</b>   | <b>5</b>  |
| <b>3.</b> | <b>PENGERTIAN PLAGIAT</b>   | <b>6</b>  |
| <b>4.</b> | <b>PERANAN</b>  | <b>7</b>  |
| 4.1       | Unit Integriti, Pejabat Naib Canselor (UI)  | 7         |
| 4.2       | Seksyen Tataertib dan Kebajikan Pelajar, Pejabat Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni   | 7         |
| 4.3       | Pejabat Penasihat Undang-Undang (Pejabat PUU)   | 7         |
| 4.4       | Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar, Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA) dan Bahagian Pentadbiran Akademik (BPA), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) | 7         |
| <b>5.</b> | <b>PROSEDUR</b>   | <b>8</b>  |
| 5.1.      | Aduan   | 8         |
| 5.2       | Mengendalikan Aduan   | 8         |
| 5.3       | Mengendalikan Siasatan  | 9         |
| 5.3.1     | Jawatankuasa Siasatan Dalaman Plagiat Universiti (JKSDPU)   | 9         |
| 5.4       | Jawatankuasa Pemandu Polisi   | 10        |
| <b>6.</b> | <b>TAHAP PLAGIAT</b>  | <b>11</b> |
| <b>7.</b> | <b>PERISIAN PENGESAN</b>  | <b>13</b> |
| 7.1       | Perisian  | 13        |
| 7.2.      | Tujuan Perisian   | 13        |
| 7.3.      | Penggunaan Perisian Pengesan  | 13        |
| 7.4       | Tanggungjawab Pengguna  | 14        |
| <b>8.</b> | <b>PROGRAM MENINGKATKAN KESEDARAN DAN PENDIDIKAN</b>  | <b>15</b> |
| <b>9.</b> | <b>TAFSIRAN</b>   | <b>15</b> |

|            |   |           |
|------------|---|-----------|
| <b>10.</b> | <b>LAMPIRAN</b>   | <b>16</b> |
|            | Lampiran A : Borang Aduan Plagiat   | 17        |
|            | Lampiran B : Laporan Jawatankuasa Siasatan Dalaman Plagiat<br>Universiti                          | 19        |
|            | Lampiran C : Prosedur Mengendalikan Siasatan Salah Laku<br>Plagiat                                | 21        |
|            | Lampiran D : Tatacara Pengendalian Jawatankuasa Siasatan<br>Dalaman Plagiat Universiti            | 23        |
|            | Lampiran E : Tatacara Mengendalikan Pertuduhan Salah Laku<br>Plagiat Tesis Sarjana / Kedoktoran   | 26        |
|            | Lampiran F : Tahap Plagiat  | 27        |
|            | Lampiran G : Jemputan Menghadiri Siasatan   | 28        |
|            | Lampiran H : Borang Pengesahan Plagiat  | 29        |
|            | Lampiran I : Borang Laporan Plagiat   | 30        |
|            | Lampiran J : Senarai Semak Plagiat  | 31        |
|            | Lampiran K : Carta Alir Tatacara Mengendalikan Pertuduhan<br>Salah Laku Plagiat                   | 32        |
|            | Lampiran L : Carta Alir mengendalikan Pertuduhan Salah Laku<br>Plagiat Tesis Sarjana / Kedoktoran | 33        |
| <b>11.</b> | <b>RUJUKAN</b>  | <b>34</b> |
| <b>12.</b> | <b>PIHAK BERKUASA</b>   | <b>35</b> |

# POLISI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN TERHADAP PLAGIAT

## 1.1 Rasional

Universiti Malaysia Kelantan (selepas ini dikenal sebagai “Universiti”) bertekad untuk menyediakan persekitaran akademik yang sihat dan bebas daripada sebarang salah laku akademik. Plagiat adalah bertentangan dengan visi, misi UMK serta menggugat kerjaya, pengalaman pembelajaran dan kesejahteraan warga UMK.

Plagiat merupakan salah satu perbuatan salah laku akademik yang boleh meruntuhkan reputasi institusi akademik. Plagiat merupakan perbuatan seseorang secara tidak jujur, sama ada secara bertulis atau sebarang medium lain, bahawa sesuatu idea, yang telah diterbitkan ataupun yang belum terbit, penulisan, karya atau ciptaan orang lain, merupakan usaha intelektualnya sendiri tanpa memberi penghargaan atau rujukan jelas tentang pengarang asal atau sumbernya.

Polisi Universiti Malaysia Kelantan Terhadap Plagiat (selepas ini dikenal sebagai “Polisi ini”) menegaskan komitmen Universiti melaksanakan amalan integriti akademik yang baik. Semua pihak bertanggungjawab perlu membantu Universiti mencegah sebarang salah guna data, mencuri idea atau Plagiat secara terang-terangan, Plagiat dengan sengaja dan / atau gagal bertindak dengan berintegriti dalam pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, penciptaan, perkembangan, aplikasi dan penggunaan ilmu pengetahuan, idea dan maklumat berhubung dengan karya orang lain.

Polisi ini juga menegaskan komitmen Universiti untuk mempertingkatkan kefahaman melalui program meningkatkan kesedaran dan pendidikan seperti klausula 8.

Polisi ini juga merupakan tambahan kepada Bahagian 2, perkara 1.4.9 dan 2.1.2 Kod Etika Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Oleh itu, perbuatan melanggar Polisi ini juga akan melanggar Kod Etika UMK.



## 1.2

### Pernyataan Polisi

Plagiat merupakan salah laku akademik yang tidak boleh ditoleransi dalam sebarang konteks sama ada antara pegawai dan pelajar, sesama pegawai, sesama pelajar atau hubungan-hubungan lain.

Universiti bertekad untuk mencapai dan melestarikan kecemerlangan akademik melalui pelaksanaan kejujuran dan integriti akademik. Nilai-nilai integriti akademik adalah berdasarkan kepercayaan, kebertanggungjawaban, kesaksamaan dan rasa hormat yang mendokong tingkah laku setiap warga Universiti.

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) hendaklah mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk meningkatkan kefahaman mengenai plagiat melalui program kesedaran dan pendidikan yang diadakan.

Aduan terhadap Plagiat akan ditangani secara telus, konsisten, adil dan mematuhi prinsip kesaksamaan dan keadilan bagi semua pihak terlibat. Bagi memastikan amalan daripada prinsip kesaksamaan dan keadilan asasi dilaksanakan, Universiti akan mengambil kira peruntukan perundangan yang terpakai dan sedang berkuat kuasa.

## 2

# PELAKSANAAN POLISI

- 2.1 Polisi ini terpakai kepada semua Pegawai dan Pelajar termasuk Zamalah dan mana-mana individu yang dilantik berdasarkan Skim Pasca Doktoral dan / atau mana-mana orang yang sedang berkhidmat / belajar di Universiti (selepas ini dikenal sebagai "warga Universiti"). Mana-mana Pegawai, Pelajar dan individu yang telah tamat perkhidmatan / pengajian / skim adalah tertakluk kepada Polisi ini sekiranya didapati melakukan salah laku Plagiat.
- 2.2 Universiti mengambil berat setiap aduan dan kesalahan berkaitan Plagiat dan sekiranya terbukti bersalah, Universiti boleh mengenakan hukuman tatatertib yang setimpal.
- 2.3 Semua warga Universiti hendaklah dimaklumkan dan dikemas kini tentang pendirian Universiti terhadap Plagiat melalui taklimat / kursus / seminar / bengkel kesedaran dan pendidikan.
- 2.4 Polisi ini hendaklah dirujuk bersekali dengan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605], Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30], Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 71], Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan (P.U.(A) 462) dan Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Kelantan (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 [PU (A) 232 / 2009]; statut, kaedah dan peraturan Universiti yang lain, termasuk semua pindaan yang berkaitan. Polisi ini menyokong, tetapi tidak mengetepikan atau menggantikan hak dan kewajipan Pegawai dan Pelajar di bawah Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang lain yang berkuat kuasa di Malaysia.



### 3

## PENGERTIAN PLAGIAT

- 3.1 “Plagiat” bermaksud satu perbuatan membentang, memetik, menyalin, memparafrasa atau menyebarkan idea, imej, proses, karya, data, perkataan sendiri atau orang lain atau sumber tanpa memberi perakuan, rujukan atau petikan yang betul kepada sumber asalnya. Perbuatan Plagiat termasuk, tetapi tidak terhad, kepada hal-hal berikut:
- i. memetik secara Plagiat verbatim atau pereplikaan kata demi kata, hasil karya orang lain.
  - ii. memparafrasa karya orang lain dengan mengubah sesetengah daripada perkataan, atau susunan kata, tanpa memberi perakuan yang sewajarnya kepada sumber asalnya;
  - iii. menghantar karya orang lain secara keseluruhan atau sebahagiannya sebagai karya sendiri;
  - iv. auto-plagiat (auto-plagiarism) atau Plagiat sendiri (self-plagiarism) karya sendiri, yang telah diterbitkan atau karya yang sudah pun dihantar untuk penilaian atau bagi mana-mana anugerah dan menyerahkannya sebagai ciptaan yang baharu tanpa memetik kandungan asal;
  - v. perujukan sumber yang tidak mencukupi atau mengelirukan yang membolehkan pembaca menyemak sama ada sesuatu karya itu telah dipetik dengan tepat dan / atau secara adil, justeru membolehkan mereka mengenalpasti sumbangan penulis asal dalam karya yang diserahkan itu; dan
  - vi. apa-apa perbuatan lain, yang pada pendapat pihak berkuasa Universiti, tergolong di dalam takrifan Plagiat.

## 4

# PERANAN

### 4.1 Unit Integriti, Pejabat Naib Canselor (UI)

Unit ini berperanan menerima dan menguruskan aduan mengenai salah laku Plagiat berlandaskan Polisi ini.

### 4.2 Seksyen Tatatertib dan Kebajikan Pelajar, Pejabat Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni

Seksyen ini berperanan menguruskan tatatertib bagi salah laku Plagiat yang dilakukan oleh Pelajar prasiswazah berlandaskan Polisi ini.

### 4.3 Pejabat Penasihat Undang-Undang (Pejabat PUU)

Pejabat ini berperanan menerima dan menguruskan tatatertib salah laku Plagiat untuk tindakan Jawatankuasa Tatatertib Universiti (JKTT).

### 4.4 Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar, Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA) dan Bahagian Pentadbiran Akademik (BPA), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Pejabat-pejabat ini berperanan menguruskan program kesedaran serta pendidikan berterusan berkenaan Plagiat sebagaimana butiran di klausa 8 Polisi ini.



# 5

# PROSEDUR

## 5.1. Aduan

Mana-mana pihak adalah berhak untuk membuat aduan terhadap apa jua perkara yang disyaki mempunyai unsur Plagiat yang berkaitan dengan warga Universiti atau mana-mana Pegawai, Pelajar dan individu yang telah tamat perkhidmatan / pengajian / skim. Aduan dibuat kepada Unit Integriti dengan menggunakan Borang Aduan Plagiat (rujuk Lampiran A).

## 5.2. Mengendalikan Aduan

Sebaik aduan Plagiat berkenaan diterima oleh Unit Integriti (UI), maka aduan tersebut akan dikendalikan mengikut prosedur seperti berikut:

- 5.2.1 UI membuat pengesahan berkaitan aduan yang diterima tersebut.
- 5.2.2 Mengemukakan laporan aduan kepada Jawatankuasa Penilaian Maklumat dan Timbang Tara (JKPMT) untuk membuat pengesahan bahawa aduan mempunyai asas, merit dan perlu tindakan selanjutnya berkenaan pertuduhan Plagiat tersebut.
- 5.2.3 Sekiranya JKPMT mengesahkan bahawa satu penyiasatan lanjut perlu dibuat, maka Jawatankuasa Siasatan Dalaman Plagiat Universiti (JKSDPU) akan ditubuhkan untuk menyiasat pertuduhan berkaitan dengan Plagiat tersebut.
- 5.2.4 Sekiranya JKPMT mengesahkan bahawa aduan tidak mempunyai asas dan merit, kes akan ditutup dan pemakluman akan dibuat kepada Pengadu, Orang Yang Diadu (OYD) dan pihak-pihak lain yang mempunyai kepentingan seperti Dekan / Pengarah / Ketua PTj berkenaan.

### **5.3 Mengendalikan Siasatan**

- i. JKSDPU yang ditubuhkan akan mengadakan siasatan terperinci tertakluk kepada pengesahan JKPMT. Satu laporan hasil siasatan dan syor tindakan daripada JKSDPU disediakan dengan menggunakan format Laporan Jawatankuasa Siasatan Dalaman Plagiat Universiti (rujuk Lampiran B). Siasatan perlu dilaksana berlandaskan Prosedur Mengendalikan Siasatan Salah Laku Plagiat (rujuk Lampiran C).
- ii. Penyiasatan berkenaan Laporan Aduan Plagiat akan dianggap perlu apabila JKPMT mengesahkan bahawa laporan tersebut mempunyai asas dan merit.

#### **5.3.1 Jawatankuasa Siasatan Dalaman Plagiat Universiti (JKSDPU)**

- i. Apabila kes dilaporkan, penyiasatan berhubung Plagiat akan dianggap perlu untuk membuat pengesahan berhubung aduan tersebut dan membuat penentuan Tahap Plagiat (rujuk Lampiran F). Apabila mengendalikan sesuatu penyiasatan, JKSDPU akan mematuhi Prosedur Pengendalian JKSDPU (rujuk Lampiran D).
- ii. Manakala penyiasatan berhubung aduan Plagiat yang dilakukan oleh Pelajar Pascasisiwazah adalah sebagaimana Prosedur Mengendalikan Pertuduhan Salah Laku Plagiat Tesis Sarjana / Kedoktoran (rujuk Lampiran E).
- iii. JKSDPU akan mengendalikan semua inkuiri dan siasatan berkaitan Plagiat yang dirujuk kepada mereka.
- iv. Pengerusi JKSDPU adalah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).
- v. Ahli-ahli JKSDPU terdiri daripada:
  - a. sekurang-kurangnya dua (2) orang pegawai yang dilantik oleh Naib Canselor;
  - b. Penasihat Undang-Undang atau wakilnya.
- vi. Setiausaha JKSDPU ialah Timbalan Pendaftar, Unit Integriti atau wakil.



## **5.4 Jawatankuasa Pemandu Polisi**

- 5.4.1 Jawatankuasa Pemandu Polisi hendaklah dilantik oleh Naib Canselor sebagai pihak berkuasa pelaksanaan Polisi ini dan Jawatankuasa Pemandu Polisi berperanan memantau, menyelia dan mengawal perkara yang berkaitan dengan Plagiat
- 5.4.2 Keahlian Jawatankuasa Pemandu Dasar adalah seperti berikut:
- i. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) sebagai Pengerusi;
  - ii. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) sebagai Timbalan Pengerusi;
  - iii. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni);
  - iv. Dua (2) orang wakil Senat Universiti yang dilantik oleh Naib Canselor;
  - v. Pendaftar;
  - vi. Penasihat Undang-Undang;
  - vii. Dekan Pusat Pengajian Siswazah;
  - viii. Pengarah, Pusat Pendidikan Luar;
  - ix. Seorang (1) wakil daripada setiap Persatuan / Kesatuan Pegawai Universiti; dan
  - x. Timbalan Pendaftar, Unit Integriti atau wakil sebagai Setiausaha.
- 5.4.3 Jawatankuasa Pemandu Polisi hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam setahun.
- 5.4.4 Urusetia Jawatankuasa Pemandu Polisi ialah Unit Integriti.
- 5.4.5 Kuorum Mesyuarat adalah seorang Pengerusi dan lima (5) orang ahli.
- 5.4.6 Jawatankuasa Pemandu Polisi boleh dari semasa ke semasa mengundang mana-mana orang, termasuklah mana-mana pelajar, untuk menghadiri mesyuarat atau sebahagian daripada mesyuarat dan mempunyai hak melihat mana-mana bahagian minit mesyuarat sebagaimana yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Dasar.

Sesuatu aduan berkaitan Plagiat hendaklah disiasat dari semua sudut termasuklah:

- i. darjah kesamaan [kuantitatif] seperti yang ditentukan oleh perisian pengesan;
- ii. tahap Plagiat [kualitatif / deskriptif] (rujuk Lampiran F);
- iii. Tafsiran Aduan Plagiat;
- iv. niat dan / atau motivasi Orang Yang Diadu (OYD) berkenaan;
- v. faktor mitigasi seperti:
  - a. peringkat / tahap program akademik;
  - b. bilangan kesalahan lalu; dan
  - c. latar belakang akademik / pendidikan OYD berkenaan;
- vi. kelaziman akademik dalam bidang yang berkaitan;
- vii. impak sesuatu kesudahan terhadap perkhidmatan dan pembangunan serta kemajuan kerjaya seseorang; dan
- viii. pemahaman OYD berkenaan integriti akademik.

## 6.1 Tahap Plagiat

Universiti berhak mengambil mana-mana satu atau gabungan tindakan berikut sekiranya tahap Plagiat berada pada tahap berikut:

### 6.1.1. Tahap Satu

Takat Plagiat pada tahap ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada petikan, perujukan atau pemparafrasaan yang tidak lengkap atau mengelirukan, bukan kerana niat untuk menipu. Pada tahap ini, Plagiat berlaku kerana kurangnya pengetahuan tentang Plagiat, cara menyesuaikan diri dengan kehendak kejujuran dan integriti akademik, atau kerana kecuaian atau pengabaian. Pada tahap ini, Plagiat tidak dianggap menjurus kepada salah laku akademik. Jika ia tergolong dalam Tahap Satu, maka pesalah berulang akan dikelaskan semula sebagai pesalah Tahap Dua atau Tahap Tiga.

#### 6.1.2. Tahap Dua

Takat Plagiat pada tahap ini termasuklah perbuatan meniru dan / atau menipu walaupun OYD mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang kejujuran dan integriti akademik. Ia juga akan dikelaskan sebagai Tahap Dua berlaku apabila jelas bahawa ada niat untuk memperdaya atau menipu melalui Plagiat. Plagiat pada tahap ini dianggap satu daripada salah laku Plagiat.

#### 6.1.3. Tahap Tiga

Takat Plagiat pada tahap ini termasuk karya yang ditiru, yang terhasil daripada niat yang jelas untuk memperdaya melalui Plagiat. Plagiat Tahap Tiga dianggap sebagai salah laku akademik. Pesalah berulang daripada Tahap Dua akan dikelaskan sebagai pesalah Tahap Tiga.

#### 6.1.4. Tahap Empat

Takat Plagiat pada tahap ini melebihi keraguan munasabah yang termasuk kerja di Plagiat yang substantif, yang terbukti daripada kesamaan yang banyak (sepertimana yang dibuktikan melalui perisian pengesan yang boleh dipercaya), yang timbul daripada niat menipu yang tidak dapat dinafikan. Plagiat Tahap Empat dianggap salah laku akademik. Pesalah berulang daripada Tahap Tiga akan dikelaskan sebagai pesalah Tahap Empat.

# 7

# PERISIAN PENGESAN

Universiti menggalakkan secara aktif penggunaan perisian teknologi sebagai mekanisme mencegah dan mengesan Plagiat. Universiti sentiasa memantau dan menambahbaik penggunaan dan pelaksanaan perisian-perisian ini dari semasa ke semasa bagi memastikan keperluan dan kepentingan warga Universiti dan Pelajar Universiti dipelihara.

## 7.1 Perisian

Perisian yang direka bentuk bagi mengesan dan melaporkan peratusan kesamaan, berdasarkan algoritma khusus, yang terdapat sama ada secara komersial atau sebaliknya. Walau bagaimanapun, peratusan kesamaan tidak secara mutlaknya menunjukkan peratusan Plagiat.

## 7.2 Tujuan Perisian

Tujuan penggunaan perisian pengesan ini di Universiti adalah seperti berikut:

- 7.2.1 memantau perbuatan Plagiat;
- 7.2.2 mengehadkan atau mencegah amalan Plagiat;
- 7.2.3 membantu warga akademik dalam sesetengah aspek etika penerbitan;
- 7.2.4 memudahkan penyiasatan kesalahan Plagiat; dan
- 7.2.5 mendidik dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan warga Universiti dan Pelajar tentang amalan akademik yang baik.

## 7.3 Penggunaan Perisian Pengesan

- 7.3.1 Mendidik Pengguna tentang Penggunaan Perisian Pengesan yang betul seperti berikut:
  - i. Pengguna digalakkan memahami manfaat daripada penggunaan perisian pengesan.
  - ii. Sesuatu “laporan keaslian” yang dijana oleh sesetengah perisian pengesan dapat dijadikan sebagai panduan, bukan penilaian muktamad keaslian karya.

## **7.4 Tanggungjawab Pengguna**

Ketika menggunakan perisian pengesan, pengguna haruslah diberi peringatan untuk menggunakan dengan penuh tanggungjawab. Pengguna perlu memahami tujuan penggunaan perisian-perisian pengesan ini.

### **7.4.1 Pelajar**

- i. Pelajar hendaklah memahami piawaian Universiti terhadap kejujuran akademik dan Plagiat.
- ii. Untuk memastikan Pelajar tidak bergantung kepada perisian pengesan dan / atau menyalahgunakannya dengan cara yang mungkin memesangkan mereka daripada menghayati dan memahami kekudusan ilmu, Universiti mengambil pendekatan bersifat pendidikan bagi Pelajar, berhubung dengan cara mereka menggunakan perisian pengesan ini.

### **7.4.2 Pegawai**

- i. Amalan integriti akademik yang tinggi hendaklah difahami dan diamalkan oleh semua pegawai Universiti.
- ii. Universiti mengambil pendekatan mendidik pegawai menggunakan perisian ini untuk mencapai kesarjanaan akademik yang bermutu.
- iii. Sesuai dengan amalan akademik yang baik, pegawai hendaklah diingatkan bahawa penggunaan perisian ini bukanlah satu pengganti, tetapi satu tambahan untuk penyeliaan yang baik.

## 8

# PROGRAM MENINGKATKAN KESEDARAN DAN PENDIDIKAN

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar dan Pusat Kecemerlangan, Pembangunan Akademik (PKPA) dan Bahagian Pentadbiran Akademik (BPA), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) adalah bertanggungjawab untuk mengurus dan menyelia program kesedaran dan pendidikan yang berkaitan dengan Polisi Universiti terhadap Plagiat ini. Program kesedaran dan pendidikan hendaklah ditumpukan kepada usaha-usaha:

- i. mencegah Plagiat;
- ii. menerangkan implikasi dan inferensi Plagiat semasa proses penulisan;
- iii. memberi penerangan tentang proses yang terlibat sebaik sahaja Plagiat dikesan;
- iv. mentafsirkan dan memberi kefahaman tentang laporan perisian pengesan; dan
- v. memberikan kesedaran dan pendidikan berterusan berkenaan penulisan yang tidak menyalahi etika akademik.

## 9

# TAFSIRAN

- 9.1 “Pegawai” bermaksud pegawai Universiti sama ada staf akademik dan bukan akademik.
- 9.2 “Pelajar” bermaksud Pelajar prasiswazah, pascasiswazah termasuk pelajar yang telah bergraduat.
- 9.3 “Zamalah” bermaksud mana-mana individu yang dilantik berdasarkan Skim Zamalah Kedoktoran Universiti.

## **10 | LAMPIRAN**

## LAMPIRAN A

### BORANG ADUAN PLAGIAT

#### KATEGORI ADUAN

Aduan Terhadap Staf

Aduan Terhadap Pelajar

#### MAKLUMAT PENGADU

PUSAT TANGGUNGJAWAB : \_\_\_\_\_

NAMA : \_\_\_\_\_

NO. KAD PENGENALAN / PASPORT : \_\_\_\_\_

NO. STAF / MATRIK : \_\_\_\_\_

ALAMAT : \_\_\_\_\_

NO. TELEFON DAN E-MEL : \_\_\_\_\_

#### MAKLUMAT ORANG YANG DIADU

PUSAT TANGGUNGJAWAB : \_\_\_\_\_

NAMA : \_\_\_\_\_

NO. STAF / MATRIK : \_\_\_\_\_

ALAMAT : \_\_\_\_\_

NO. TELEFON DAN E-MEL : \_\_\_\_\_

## PERINCIAN ADUAN

TAJUK ADUAN

|  |
|--|
|  |
|--|

## KANDUNGAN KESALAHAN

| Bab / Halaman | Sumber Plagiat | Bentuk Plagiat<br>(cth., seluruh ayat / perenggan) |
|---------------|----------------|--|
|               |                |  |

Tandatangan : .....

Tarikh : .....

## LAMPIRAN B

### LAPORAN JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN PLAGIAT UNIVERSITI

PUSAT TANGGUNGJAWAB : .....

#### **MAKLUMAT ORANG YANG DIADU**

NAMA : .....

JAWATAN & GRED : .....

NO. ID : .....

NO. KAD PENGENALAN / PASPORT : .....

NO. TELEFON DAN E-MEL : .....

#### **PERINCIAN ADUAN**

LATAR BELAKANG ADUAN :

KAEDAH / SKOP SIASATAN :

PENEMUAN / HASIL PEMERIKSAAN :

ULASAN :

SYOR / CADANGAN :



## KANDUNGAN KESALAHAN

| Bab / Halaman | Sumber Plagiat | Bentuk Plagiat<br>(Cth., Seluruh Ayat / Perenggan) |
|---------------|----------------|--|
|               |                |  |

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

## LAMPIRAN C

### **PROSEDUR MENGENDALIKAN SIASATAN SALAH LAKU PLAGIAT**

#### Pengenalan

Berikut adalah perincian tentang langkah yang perlu diambil sebaik sahaja perbuatan / kesalahan Plagiat diadukan kepada Unit Integriti.

1. Pengadu hendaklah memfailkan satu aduan bertulis dengan menggunakan Borang Aduan Plagiat (rujuk Lampiran A) kepada Unit Integriti. Laporan tersebut mestilah bertulis dan hendaklah mengandungi:
  - i. dokumentasi yang ditandai untuk menunjukkan karya yang disyaki diplagiat;
  - ii. dokumentasi sumber berkenaan (juga ditandai); dan
  - iii. sumbangan karya tersebut kepada gred keseluruhan karya berkenaan.
2. Unit Integriti perlu mengambil tindakan berikut:
  - i. mengesahkan bahawa OYD ialah pegawai / bekas pegawai / Pelajar PTj tersebut;
  - ii. menyusun bukti yang diserahkan;
  - iii. memastikan kerahsiaan kes berkenaan;
  - iv. memaklumi Dekan / Pengarah / Ketua PTj tentang pertuduhan dan identiti OYD dan menyerahkan kes bersama-sama dengan bukti kepada pegawai di PTj OYD dengan cara yang selamat.
    - a. Jika OYD merupakan Pelajar prasiswazah, pegawainya ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni). Dokumen berkenaan juga disalinkan kepada Dekan / Pengarah PTj.
    - b. Jika OYD ialah seorang pascasiswazah, pegawainya ialah Dekan / Pengarah / Ketua PTj.
    - c. Jika OYD ialah dalam kumpulan akademik, pegawainya ialah Dekan / Pengarah. Dokumen berkenaan juga disalinkan kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan Pendaftar.

- d. Jika OYD ialah dalam kumpulan pentadbiran, pegawainya ialah Dekan / Pengarah. Dokumen berkenaan juga disalinkan kepada Pendaftar.
- e. PTj hendaklah mengambil tindakan berikut:
  - 1. Menggantung sementara markah penerbitan bagi karya yang dipersoalkan tersebut;
  - 2. Memberitahu secara bertulis OYD bahawa markahnya atau karyanya sedang dibawah penyiasatan kerana disyaki terlibat dengan Plagiat dan penyiasatan akan dijalankan.
- v. membentuk satu JKSDPU untuk menentukan Tahap Plagiat (rujuk Lampiran F) dan menentukan sama ada kes tersebut harus dibawa kepada Jawatankuasa Tatatertib Universiti / Jawatankuasa Tatatertib Pelajar;

## **LAMPIRAN D**

### **TATACARA** **PENGENDALIAN JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN PLAGIAT UNIVERSITI** **(JKSDPU)**

#### **Pengenalan**

Apabila menjalankan penyiasatan, JKSDPU hendaklah:

1. Menetapkan tarikh siasatan;
2. Kendalikan kes-kes disyaki dengan penuh kerahsiaan dan integriti;
3. Apabila menjalankan penyiasatan, Jawatankuasa hendaklah:
  - i. Mengumpul, menghimpun dan mengesahkan bukti daripada Pengadu untuk menentukan sama ada satu kesalahan telah berlaku;
  - ii. Mengemukakan surat penjelasan kepada OYD dan diberikan peluang untuk menjawab dakwaan / tuduhan dalam tempoh 14 hari bekerja;
  - iii. Mencatat minit mesyuarat;
  - iv. Pengerusi hendaklah menjelaskan pertuduhan, prosedur, hak untuk merayu dan memastikan OYD memahami prosedur yang digariskan;
  - v. Memberi peluang kepada OYD untuk memberi / menjelaskan pandangannya tentang pertuduhan tersebut dan jika berkaitan, membela tindakannya;
  - vi. Menimbangkan semua bukti dan penjelasan yang diberikan dan capai satu keputusan semasa mesyuarat tersebut untuk menentukan Pengertian Plagiat dan Tahap Plagiat;
  - vii. Berpegang kepada Senarai Semak Plagiat (rujuk Lampiran J) untuk memastikan bahawa penyiasatan dibataskan kepada karya Plagiat yang dituduh sahaja;
  - viii. Berpegang kepada tempoh masa yang berpatutan untuk memastikan penyiasatan berjalan pantas dan resolusi yang tepat telah diaplikasikan;
  - ix. Mengeluarkan satu surat bertulis kepada OYD dan memintanya hadir untuk siasatan. Surat penetapan tarikh siasatan hendaklah dihantar kepada OYD sekurang-kurangnya tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh siasatan untuk memberi tempoh yang secukupnya (rujuk Lampiran G);
  - x. Mengasaskan keputusan siasatan semata-mata kepada maklumat yang diperoleh semasa penyiasatan, sebelum dan selepas siasatan.

4. Sebagai tambahan bagi faktor yang digariskan dalam Klausula 6 (Tahap Plagiat) Polisi Universiti terhadap Plagiat, JKSDPU hendaklah pertimbangkan perkara berikut:
    - i. Bilangan kesalahan lalu;
    - ii. Bagi kes Pelajar, peringkat pengajiannya dan pengetahuan tentang prosedur, amalan dan peraturan Universiti – sebagai contoh, Pelajar prasiswazah atau pascasiswazah tahun akhir seharusnya lebih peka tentang isu-isu berkaitan Plagiat dan Polisi Universiti terhadap Plagiat;
    - iii. Bagi kes Pegawai, tempoh berkhidmat dengan Universiti dan kesedarannya tentang Polisi Universiti terhadap Plagiat;
    - iv. peratus sumbangan karya tersebut kepada keseluruhan penilaian; dan
    - v. Pengertian Plagiat, umpamanya, beberapa baris atau satu perenggan boleh dianggap kecil, manakala beberapa perenggan dan tindakan sengaja dianggap sebagai lebih serius. JKSDPU dinasihati supaya merujuk kepada Lampiran F berkenaan Tahap Plagiat.
  - vi. Jika kesalahan tersebut sebagaimana ditentukan oleh JKSDPU tidak serius (Tahap 1), tindakan seperti berikut boleh dicadangkan:
    - a. memaklumkan kepada OYD secara bertulis tentang keputusan berkenaan;
    - b. mengeluarkan satu surat peringatan;
    - c. merujuk OYD untuk dikaunseling oleh Pengarah atau wakil PTj; dan
    - d. jika kesalahan itu melibatkan seorang Pelajar, karya yang dipersoalkan hendaklah digredikan mengikut aturan biasa tanpa penalti.
5. Susulan daripada penyiasatan tersebut, jika:
  - i. Plagiat yang dituduh tidak terbukti telah dilakukan ataupun tidak disokong oleh maklumat / fakta, dakwaan itu akan ditolak dan OYD akan diberitahu secara bertulis; atau
  - ii. Plagiat yang dituduh terbukti telah dilakukan, JKSDPU akan menyediakan Laporan JKSDPU (rujuk Lampiran B) untuk diserahkan kepada:
    - a. Pejabat Penasihat Undang-Undang selaku urusetia Jawatankuasa Tatatertib Universiti untuk tindakan terhadap Pegawai; atau
    - b. Seksyen Tatatertib dan Kebajikan Pelajar, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni selaku urusetia Jawatankuasa Tatatertib Pelajar untuk tindakan terhadap Pelajar.

6. Jawatankuasa Tatatertib Universiti dan Jawatankuasa Tatatertib Pelajar akan:
  - i. meneliti laporan daripada Jawatankuasa Siasatan Dalaman Plagiat Universiti (JKSDPU);
  - ii. memastikan tahap dan Pengertian Plagiat (Lampiran F) dengan mempertimbangkan isu-isu yang digariskan sebelum ini oleh JKSDPU;
  - iii. memastikan tindakan dibuat mengikut Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] bagi kes yang melibatkan Pegawai;
  - iv. memastikan tindakan dibuat mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Kelantan Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 [P.U (A) 232 / 2009] bagi kes yang melibatkan Pelajar;
  - v. melaporkan kes-kes yang melibatkan Tahap 2 hingga 4 kepada Unit Integriti supaya memasukkan nama pesalah ke dalam Daftar Plagiat Unit Integriti menggunakan (rujuk Lampiran H); dan
  - vi. memaklumkan keputusan kepada OYD keputusannya secara bertulis dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja. OYD hendaklah diberitahu tentang haknya untuk merayu kepada Universiti.

**TATACARA**  
**MENGENDALIKAN PERTUDUHAN SALAH LAKU**  
**PLAGIAT TESIS SARJANA / KEDOKTORAN**

Panduan bagi Panel Pemeriksa Tesis

1. Jika seseorang Panel Pemeriksa Tesis (dalam atau luar) mengesyaki bahawa seseorang Pelajar itu telah memplagiat karya orang lain untuk tesis Sarjana / Kedoktoran, satu laporan bertulis yang memperincikan buktinya haruslah dibuat serta-merta kepada Pusat Pengajian Siswazah (PPS) / Pusat Pengajian Luar Universiti Malaysia Kelantan (UMKCEE)
2. Satu mesyuarat dan / atau peperiksaan lisan (viva voce) Panel Pemeriksa Tesis boleh diadakan bagi membincangkan aduan selepas semua laporan pemeriksaan tesis diterima. Panel perlu mempertimbangkan dan mengenalpasti takat sumbangan Pelajar bagi karya yang dipersoalkan.
3. PPS atau UMKCEE mengemukakan aduan / laporan daripada Panel Pemeriksa Tesis kepada Unit Integriti dengan menggunakan Borang Aduan Plagiat (rujuk Lampiran A).
4. Unit Integriti akan membuat pengesahan kepada JKPMT untuk dikemukakan kepada JKSDPU untuk siasatan lanjut dan menentukan Tahap Plagiat.
5. JKSDPU akan membincangkan aduan tersebut dengan mempertimbangkan takat kuantitatif dan kualitatif pertuduhan dan memutuskan sama ada ia boleh ditafsirkan sebagai satu perbuatan Plagiat dan / atau amalan akademik yang tidak baik.
6. Jika kesalahan itu ditentukan sebagai tidak serius (Tahap 1), JKSDPU boleh mencadangkan agar PPS / UMKCEE memberikan kaunseling kepada pelajar terbabit.
7. Jika kesalahan itu serius (Tahap 2 hingga 4), plagiat disyaki, Panel Pemeriksa Tesis akan menggantung sesi viva-voce dan keputusan tersebut akan dimaklumkan kepada Seksyen Tatatertib dan Kebajikan Pelajar untuk tindakan tatatertib kepada Pelajar tersebut tentang keputusan tersebut.
8. Pusat Pengajian Siswazah / Pusat Pengajian Luar Universiti Malaysia Kelantan (UMKCEE) akan merekodkannya dalam fail Pelajar dan menyerahkan satu salinan laporan itu kepada Unit Integriti.
9. Unit Integriti akan merekodkan aduan dan hasil siasatan tersebut (rujuk Lampiran H).

## LAMPIRAN F

### TAHAP PLAGIAT

| TAHAP KESIGNIFIKANAN | Tak Signifikan       | Tahap 1      | Tahap 2 | Tahap 3 |
|----------------------|----------------------|--------------|---------|---------|
|                      | Sederhana Signifikan | Tahap 2      | Tahap 2 | Tahap 3 |
| Signifikan           | Tahap 3              | Tahap 3      | Tahap 4 |         |
|                      | Jahil                | Niat Sedikit | Sengaja |         |
| NIAT                 |                      |              |         |         |

## LAMPIRAN G

### JEMPUTAN MENGHADIRI SIASATAN

Tarikh :  
Nama :  
Alamat :  
No. Staf / Pelajar :

#### JEMPUTAN MENGHADIRI SIASATAN OLEH JAWATANKUASA SIASATAN DALAMAN PLAGIAT UNIVERSITI

Tuan / Puan

Pihak Universiti telah menerima satu laporan yang diserahkan kepada Unit Integriti yang mengatakan bahawa <masukkan perincian karya yang dipersoalkan> telah diplagiat daripada <satu sumber berdasarkan laman sesawang / karya diterbitkan / karya Pelajar lain>.

Jawatankuasa dengan ini mengarahkan pihak tuan / puan hadir pada satu siasatan oleh Siasatan Dalaman Plagiat Universiti pada <masukkan tarikh> pada <masukkan masa> di <masukkan lokasi>.

Sila hubungi <orang hendak dihubungi (nombor telefon)> sebelum <masukkan tarikh muktamad> untuk mengesahkan penerimaan surat ini dan bahawa tuan / puan akan hadir pada <masukkan tarikh siasatan> seperti dikehendaki.

Bersama surat ini dilampirkan satu salinan laporan dan dokumen sokongan (sekiranya relevan) untuk perhatian awal pihak tuan / puan.

Saya yang menjalankan amanah,

Nama

(Pengerusi Jawatankuasa Penyiasatan)

s.k.

## LAMPIRAN H

### BORANG PENGESAHAN PLAGIAT

Sila isikan maklumat berikut untuk memastikan satu rekod yang lengkap dapat disimpan di Unit Integriti. Maklumat tambahan ini akan direkodkan dan digunakan bagi tujuan memantau dan mengenalpasti Pegawai / Pelajar yang telah pun didapati bersalah berkaitan Plagiat.

|  |   |
|--|---|
| Nama   | : |
| Nombor Pegawai /<br>Pelajar                                  | : |
| Peringkat Pengajian  | : |
| Pusat Tanggungjawab  | : |
| Program Pengajian  | : |
| Tugasan berkaitan  | : |
| Laporan diserahkan<br>oleh                                   | : |
| Tarikh Laporan   | : |
| Ulasan   | : |
| Laporan Diterima oleh Dekan / Pengarah Pusat Tanggungjawab : |   |

## LAMPIRAN I

### BORANG LAPORAN PLAGIAT

(Untuk diisi oleh JKSDPU apabila merujuk kes Plagiat kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang / Seksyen Tatatertib dan Kebajikan Pelajar, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) / Pusat Pengajian Siswazah / Pusat Pengajian Luar Universiti Malaysia Kelantan (UMKCEE)

|   |   |
|---|---|
| Nama:   |   |
| Nombor Pegawai / Pelajar:   |   |
| Peringkat Pengajian (sila tanda):<br><input type="checkbox"/> Prasiswazah <input type="checkbox"/> Siswazah   | Fakulti / Pusat / Institut:<br><input type="checkbox"/> Kursus: |
| Pertuduhan:   |   |
| Laporan diserahkan oleh:  |   |
| Sumbangan karya terhadap keputusan keseluruhan kursus (kadaran % penilaian):  |   |
| Tindakan diambil oleh Pusat Tanggungjawab:  |   |
| Perincian relevan yang lain, termasuk sebarang insiden Plagiat yang lepas, yang ditangani oleh Fakulti / Pusat / Institut (Dirujuk kepada Daftar Unit Integriti): |   |
| Tandatangan:  | Tarikh:   |

## LAMPIRAN J


### SENARAI SEMAK PLAGIAT

Senarai Semak bagi Penyiasatan Karya yang Dituduh Di senarai Plagiat – JKSDPU

1. Salinan aduan bertulis yang dialamatkan kepada Unit Integriti.
2. Serahan Pengadu jika ada:
  - a. Hasil karya yang berkenaan, ditandai untuk menunjukkan Plagiat yang disyaki.
  - b. Salinan sumber yang juga ditandai.
  - c. Sumbangan hasil karya itu kepada penilaian keseluruhan kursus Pelajar atau usaha kerja pegawai berkenaan.
3. Rekod lepas OYD jika ada di Unit Integriti.
4. Fail Pegawai / Pelajar

## LAMPIRAN K


### CARTA ALIR TATACARA MENGENDALIKAN PERTUDUHAN SALAH LAKU PLAGIAT



**LAMPIRAN L**

**CARTA ALIR TATACARA MENGENDALIKAN PERTUDUHAN SALAH LAKU PLAGIAT**

**TESIS SARJANA / KEDOKTORAN**



- 11.1 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU).
- 11.2 Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan [P.U.(A) 462 / 2010]
- 11.3 Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [*Akta 605*].
- 11.4 Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Kelantan Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 [PU (A) 232 / 2009].
- 11.5 Dasar Universiti Sains Malaysia Terhadap Ciplakan.

Pemilik Dasar Ini : Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Pegawai bertanggungjawab : Timbalan Pendaftar, Unit Integriti, Pejabat Naib Canselor

Diperakuan oleh : Mesyuarat Senat Universiti Malaysia Kelantan Bilangan 4/2019 (Kali Ke-119) bertarikh 21 Mei 2019

Akta yang berkuatkuasa :

- i. Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU)
- ii. Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan [P.U.(A) 462/2010]
- iii. Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surc妖) 2000 [*Akta 605*]
- iv. Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Kelantan Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 [P.U (A) 232 / 2009].

Tarikh kuatkuasa : Semua aduan yang diterima selepas tarikh ini akan ditadbir oleh Polisi ini.

Tarikh semakan semula : Dari semasa ke semasa mengikut keperluan berdasarkan peraturan Senat sedia ada.

Pihak yang boleh dihubungi untuk pertanyaan tentang Polisi :

- i. Unit Integriti, Pejabat Naib Canselor.
- ii. Pejabat Penasihat Undang-Undang.
- iii. Seksyen Tatatertib dan Kebajikan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.

# **PERTANYAAN HUBUNGI:**

## **UNIT INTEGRITI**

Pejabat Naib Canselor

Universiti Malaysia Kelantan  
Beg Berkunci No. 01,  
16300 Bachok, Kelantan

No. Telefon : 09-7797 749 / 10041 | No. Faksimili : - | E-mel : [integriti@umk.edu.my](mailto:integriti@umk.edu.my)

## **PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG**

Universiti Malaysia Kelantan  
Beg Berkunci No. 01,  
16300 Bachok, Kelantan

No. Tel : 09-779 7747 / 11515 | No. Faksimili : 09-779 7752 | E-mel : [legal@umk.edu.my](mailto:legal@umk.edu.my)

## **SEKSYEN TATATERTIB DAN KEBAJIKAN PELAJAR**

Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni  
Universiti Malaysia Kelantan  
Beg Berkunci No. 01,  
16300 Bachok, Kelantan

No. Telefon : 09-779 7408 | No. Faksimili : 09-779 7402 | E-mel : [btkp.hepa@umk.edu.my](mailto:btkp.hepa@umk.edu.my)

